

01 JUN 1996

JAMUAN TEH SEMPENA HARI KEPUTERAAN AGONG (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar meraikan Hari Keputeraan Seri Paduka dengan tetamu-tetamu khas dalam satu upacara jamuan teh di Istana Negara, petang ini.

Yang turut berangkat pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Pemangku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Naquiyuddin dan beberapa orang putera dan puteri Seri Paduka.

Antara orang kenamaan yang menghadiri majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan menteri-menteri kabinet.

Seri Paduka berdua juga mengambil kesempatan untuk beramah mesra dan berkenalan dengan tetamu-tetamu yang hadir. -- BERNAMA

YBK NAK